

Loji nuklear jamin bekalan sumber tenaga

Pelan sokongan, kepakaran perlu mampu tangani 'malapetaka'

Dr Nahrul Khair

BERDASARKAN apa yang berlaku di Jepun, adakah waris kerajaan membatalkan hasrat membina loji nuklear seperti yang didesak banyak pihak.

Hasrat membina loji nuklear itu tidak patut dibatalkan. Ia perlu diteruskan bagi tujuan menjana tenaga elektrik. Kita terlalu bergantung kepada arang batu dan minyak untuk mendapatkan tenaga elektrik tapi sumber itu akan habis. Jika ia berlaku, negara berdepan masalah besar. Operasi kilang, misalnya terpaksa dihentikan. Kita akan berdepan krisis tenaga. Itu yang perlu kita faham mengenai keperluan membina loji nuklear. Ia menjamin bekalan tenaga berterusan. Bekalan perlu ada untuk tiga hingga enam bulan. Memang kita boleh import bahan bakar tetapi bagaimana jika ada masalah di rantau yang membekalkan bahan itu. Loji nuklear tidak memerlukan penambahan bahan api setiap hari, cukuplah sekadar 18 bulan sekali. Jadi, dalam tempoh panjang, kita tidak berdepan masalah bekalan tenaga elektrik. Lagipun, ia lebih mesra alam daripada satu segi.

Pembebasan gas rumah hijau, sebagai contoh, boleh dielak berbanding penggunaan arang batu atau minyak. Sudut positif lain mengenai pembinaan loji nuklear ia antara teknologi yang mempunyai keperluan tinggi sama ada dari segi keselamatan, pengetahuan dan keperluan. Menerusi pembinaan ini, kita boleh memperbaiki kepakaran tempatan. Satu perkara lagi yang perlu ditekankan ialah jika hasrat membina loji diteruskan, bermakna kerajaan mengambil kira semua pendapat dan pandangan. Kesan positif dan positif dikaji sedalam-dalamnya. Kita ada kepakaran dan asasana untuk terus maju dalam bidang ini sejak dulu. Cuma apabila insiden ditemui, kepakaran itu diabaikan ke situ. Apabila kerajaan berhasrat membina loji nuklear, kepakaran itu perlu dibangun semula.

Apakah yang perlu ditekankan kerajaan jika ingin meneruskan cadangan membina loji nuklear supaya apa yang berlaku di Jepun tidak berulang.

Sudut positif dalam kemalangan yang berlaku ialah kita boleh belajar daripada kesilapan dan memperbaiki sistem sedia ada. Jepun memang mempunyai sistem pemantauan gempa bumi yang canggih dan mengikut logik, ia patut sudah bersedia berdepan kemusnahan itu. Namun, apa yang terjadi ialah geran itu amat besar, kelima terbesar dalam sejarah dunia. Ia sesuatu yang tidak diduga langsung. Kemalangan loji nuklear Jepun bertepatan bukan disebabkan gempa bumi

APABILA terdeteksi kebocoran dan letupan membabitkan loji nuklear di Fukushima Daiichi berikutan gempa bumi dan tsunami yang melanda wilayah timur laut Jepun, dunia pula bimbang dengan kesan radiasi. Justeru, pelbagai pihak di negara kita turut menggesa kerajaan menghentikan idea untuk membina loji nuklear dan empangan besar bagi menangani krisis tenaga. Wartawan Berita Minggu, HAZIRAH CHE SAB dan NADIA HAMID mendapatkan pandangan Presiden Persatuan Nuklear Malaysia, Dr Nahrul Khair Alang Md Rashid dan pensyarah Program Sains Nuklear UKM, Prof Madya Dr Muhamad Samudi Yasir untuk mengulas isu ini.

Berita Harian, Ahad 20 Mac 2011

dipam untuk tujuan itu tetapi kedatangan tsunami memusnahkan pelan sokongan untuk mengepam air. Malang bagi Jepun, mereka tidak menyediakan pelan sokongan. Jika kerajaan meneruskan hasrat membina loji nuklear, itu antara pengajaran yang perlu diberi perhatian serius iaitu pelan sokongan. Kini banyak negara mengkaji semula loji nuklear masing-masing dan termasuk dalam skop kajian ialah memperbaiki sistem keselamatan. Reaktor di Jepun sudah beroperasi 40 tahun dan reka bentuk serta teknologi di loji itu juga berusia empat atau lima dekad. Perancangan empat atau lima dekad lalu tidak menyediakan pelan sokongan untuk sistem penyejukan. Kini kita sudah ada teknologi baru yang jauh lebih maju dan tidak mustahil dengan teknologi itu, reaktor yang dibina lebih berdaya menahan bencana alam.

Bagaimana dengan kebimbangan rakyat mengenai kemungkinan berlaku kebocoran radiasi jika hasrat membina loji nuklear diteruskan.

Semua benda jika diambil berlebihan akan memudaratkan kesihatan. Garam jika diambil ber-

lebih membawa penyakit. Begitu juga radiasi. Tanpa sedar kita sebenarnya terdedah kepada radiasi tetapi pada tahap lebih rendah daripada dibenarkan. Bagi perubatan, untuk menjalani ujian sinar X, kita terdedah kepada radiasi. Begitu juga jika menaiki pesawat tetapi semua itu di bawah paras dibolehkan. Seperti yang saya katakan tadi, kerajaan mengambil kira semua sudut untuk meneruskan pembinaan itu. Jadi, tiada apa yang perlu dibimbangkan tanpa sebab. Memang Malaysia tidak berdepan ancaman gempa atau tsunami tetapi pola cuaca dunia ketika ini perlu diambil kira. Banyak perubahan berlaku ketika ini berbanding masa lampau. Pembinaan loji nuklear turut mengambil kira geografi dan sejarah kerana apa yang berlaku 100 tahun lalu tidak sama dengan apa yang jadi sekarang. Semua itu dipandang serius kerajaan termasuk mengkaji jenis reaktor yang sesuai.

Kita juga mempunyai kepakaran untuk menangani isu ini. Kepakaran itu sentiasa dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan membina loji nuklear. Mengenai apa yang berlaku di Jepun, rakyat tidak harus terpedaya dengan khabar angin me-



Nahrul Khair

ngatakan radiasi sampai ke sini. Saya yakin kerajaan tidak membuat sesuatu yang meletakkan nyawa dan kesihatan rakyat dalam bahaya. Jika benar radiasi tiba di sini sudah tentukan kerajaan, Agensi Nuklear Malaysia dan persatuan bertindak memalumkan kepada rakyat. Ada pihak yang mengambil kesempatan menjadikan isu ini hangat kerana agenda tersendiri.

Bagaimana rakyat boleh menerima jika kerajaan meneruskan hasrat itu.

Itu mudah. Rakyat kena faham sesuatu yang jelas-jelasnya apakah itu loji nuklear. Mereka kena faham sebaran teknologi ada risikonya tetapi dalam hal ini, risiko ketiadaan bekalan tenaga jauh lebih tinggi dan menyusahkan. Apa yang mereka boleh buat ialah fahami teknologi itu dan jangan dengar pandangan pihak yang mempunyai kepentingan berbeza. Ada pihak tidak mahu kita kuasa teknologi nuklear kerana ia bukan mudah dikendalikan. Jika kita mampu menguasainya, ia sesuatu yang hebat. Kerajaan tidak akan meneruskan hasrat ini jika tidak yakin kemampuan kepakaran tempatan menangani sebarang masalah.

